



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

Rangkuman Projek Inovasi Bersama Pelajar

Penulis: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman, Siti Faridah Kamaruddin & Dr Habsah Haji Mohamad Sabli

Pelajar yang berpotensi perlu diasah bakat dan kebolehan mereka untuk berfikir secara kritis kerana dengan adanya proses tambahan dari subjek yang diajar, pelajar dapat memupuk minda mereka untuk berfikir di luar kotak. Oleh itu, pensyarah akan membawa pelajar dalam projek inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya nilai tambah seperti ini, pelajar akan lebih mudah untuk mendapat markah yang tinggi dalam matapelajaran yang dipelajari sepanjang semester. Bahkan, sebagai contoh, kesukaran untuk mengajar subjek ekonomi bagi memudahkan pelajar mendapat keputusan yang memberangsangkan pada peperiksaan akhir menjadi asbab tentang kepentingan dalam inovasi di dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pelajar adalah pengkritik yang nyata dan tidak berat sebelah kerana mereka adalah pihak yang mendengar dan melihat pensyarah mengajar dan merasa kesusahannya sesuatu kursus. Satu aplikasi mudah alih yang dinamakan *Easy Economy application* (iEzCO) telah diperkenalkan dan boleh digunapakai untuk subjek Makroekonomi. Penghasilan aplikasi ini memerlukan kerjasama padu antara pensyarah dan pelajar.



Setelah menguji keberkesanan aplikasi ini di dalam proses pembelajaran dan pembelajaran, aplikasi ini telah didaftarkan ke dua jenis pertandingan. Pertandingan pertama yang dijalankan secara dalam talian iaitu *International Teaching and Learning Invention Innovation Competition* (iTaLiIC 2023) anjuran UiTM Cawangan Pulau Pinang. Keputusan pertandingan telah diumumkan pada 23 Jun 2023 dan produk ini telah dianugerahkan Anugerah Perak oleh penganjur.

Dalam pertandingan kedua yang diadakan secara bersemuka, produk ini telah didaftarkan di bawah *Borneo International Innovation & Invention Competition* (BIIC 2023) yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) di Bintulu, Sarawak. Syarat pertandingan adalah 10 produk terbaik sahaja yang akan terpilih ke peringkat akhir di UPM Bintulu Sarawak. Pada 28 Julai 2023, pensyarah telah dimaklumkan bahawa produk inovasi ini telah layak masuk ke pusingan akhir dan melayakkannya sebagai 10 kumpulan terbaik. Pertandingan di pentas akhir adalah pada 17 Ogos 2023. Sekali lagi produk inovasi bagi kumpulan pensyarah bersama pelajar ini mendapat Anugerah Perak beserta wang tunai RM100 serta sijil penyertaan.